

KEMPEN ATAS TALIAN CONNECT 0% KADAR FAEDAH FLEXI PAYMENT PLAN

TEMPOH KEMPEN

1. Kempen “Atas Talian Connect 0% Kadar Faedah Flexi Payment Plan” (“Kempen”) Hong Leong Bank (“HLB”) bermula pada 3 September 2018 dan berakhir pada 30 Jun 2019, termasuk kedua-dua tarikh (“Tempoh Kempen”), melainkan diberitahu sebaliknya

Terma dan Syarat

Berikut adalah terma dan syarat Kempen (“T&S”):

KELAYAKAN

2. Kempen ini hanya terbuka kepada pemegang kad utama Kad Kredit HLB yang sedia ada yang terpilih, dan akaun kad kreditnya berada dalam keadaan yang baik (tidak ingkar) (“Pemegang Kad yang Layak”) yang telah mendaftar untuk Hong Leong Connect.
3. Pemegang Kad yang Layak berikut TIDAK layak menyertai Kempen ini:
 - (a) Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan atau disyaki melakukan apa-apa tindakan penipuan, menyalahi undang-undang atau salah berkaitan dengan mana-mana kemudahan yang diberikan oleh HLB/ Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLISB”) atau telah diisytiharkan mufliis (menurut petisyen oleh mana-mana bank atau oleh mana-mana pihak ketiga) atau tertakluk kepada apa-apa prosiding kebangkrapan pada bila-bila masa sebelum, semasa atau selepas tempoh Kempen; atau
 - (b) Pemegang Kad yang Layak yang telah melakukan, atau ditentukan oleh HLB/HLISB untuk berpotensi melakukan apa-apa perbuatan salah yang dinyatakan di sini.

Kempen ini terbuka kepada Individu Pemegang Kad Kredit Utama HLB sedia ada yang terpilih dan

KAEDAH KEMPEN

4. Pemegang Kad yang Layak boleh memohon untuk menukar Transaksi Runcit Layak (seperti yang dinyatakan dalam bahagian 7 di bawah) melalui Perbankan Internet Hong Leong Connect atau *Connect App* kepada Flexi-Payment Plan (“FPP”) pada Kadar Faedah Rata Istimewa FPP 0% untuk tempoh 12-bulan (“Tempoh Ansuran FPP”) tertakluk kepada jumlah tertunggak yang perlu dibayar dan terhutang kepada HLB dan hendaklah pada Jumlah Transaksi Runcit Layak minimum seperti yang dinyatakan di bawah.

Tempoh FPP (bulan)	Kadar Faedah Rata Istimewa FPP (setahun)	Jumlah Transaksi Runcit Layak Minimum
12	0%	RM500.00

5. FPP membolehkan Pemegang Kad yang Layak untuk membayar balik baki Transaksi Runcit Layak dengan Jumlah Transaksi Runcit Minimum yang ditetapkan (seperti yang dinyatakan dalam bahagian 4 di atas) dan telah didebitkan ke akaun kad kredit Pemegang Kad yang Layak dan/atau direkodkan dalam penyata kad kredit semasa secara ansuran bulanan sepanjang tempoh ansuran FPP yang ditetapkan (“Ansuran Bulanan FPP”) sebagaimana yang dipersetujui antara Pemegang Kad yang Layak dan HLB.
6. Transaksi Runcit Layak mesti tidak melepasi tarikh akhir bayaran pada masa penukaran kepada FPP.
7. Bagi tujuan kempen FPP ini, semua Transaksi Runcit Layak untuk menukar kepada FPP kecuali pendahuluan tunai, jumlah ansuran yang perlu dibayar di bawah program lain HLB seperti ‘*Balance Transfer, Balance Transfer Plus, Cash-on-Call, Call-for-Cash, Call-for-Cash Plus*’, Pelan Bayaran Lanjutan, Yuran Tahunan, baki kad ke hadapan dan lain-lain caj yang dikenakan oleh HLB sebagaimana yang diperuntukkan dalam Perjanjian Pemegang Kad (“Transaksi Runcit Layak”).
8. Penukaran FPP tidak layak menerima sebarang mata ganjaran dan/atau rebat tunai kecuali dimaklumkan sebaliknya oleh HLB.

9. Ansuran Bulanan FPP dihitung dengan membahagikan Jumlah FPP diluluskan oleh HLB dengan Tempoh Ansuran FPP dan akan dibilkan kepada Akaun Kad Kredit Pemegang Kad yang Layak pada setiap bulan sehingga Tempoh Ansuran FPP selesai dan ditunjukkan seperti berikut:

Ansuran Bulanan FPP = Keseluruhan Jumlah Faedah FPP ÷ Tempoh Ansuran FPP (dalam bulan)

Contoh perhitungan Ansuran Bulanan FPP untuk tempoh 12 bulan :

Pemegang Kad yang Layak memohon jumlah FPP sebanyak RM12,000.00 untuk tempoh 12-bulan dengan kadar faedah efektif sepadan dengan 0% setahun. Berdasarkan contoh ini; Ansuran Bulanan FPP perlu dibayar sepanjang 12-bulan adalah RM1,000.00.

Ilustrasi potongan prinsipal bulanan serta faedah bulanan yang dikenakan dalam ansuran adalah seperti berikut:

10. Pemegang Kad yang Layak perlu membayar jumlah Ansuran Bulanan FPP sepenuhnya selain daripada bayaran minimum bulanan 5% yang perlu dibayar ke atas baki kad kredit. Sekiranya pembayaran tidak diterima oleh HLB sepenuhnya pada atau sebelum tarikh perlu bayar yang dinyatakan dalam penyata bulanan kad, caj kewangan semasa dan yuran bayaran lewat akan dikenakan ke atas jumlah gabungan yang terdiri daripada Ansuran Bulanan FPP serta bayaran minimum 5%, selaras dengan terma dan syarat Perjanjian Pemegang Kad.
11. Pemegang Kad yang Layak dikendaki menjelaskan kesuluruhan semua baki tunggakan FPP termasuk yuran dan faedah jika:
- (a) Mereka ingkar ke atas mana-mana T&S yang terkandung di sini atau mana-mana terma di bawah Perjanjian Pemegang Kad;
 - (b) Mereka ingkar membayar Ansuran Bulanan FPP dan/atau apa-apa jumlah yang perlu dibayar;
 - (c) FPP dibatalkan atau ditamatkan kerana apa jua sebab; atau
 - (d) Akaun kad kredit tertunggak selama 90 hari, atau dibatalkan atau ditamatkan.

Jika tidak, caj kewangan semasa termasuk yuran bayaran lewat (jika ada) akan dikenakan ke atas baki tertunggak FPP sehingga penyelesaian penuh semua baki tertunggak FPP.

12. Pemegang Kad yang Layak akan dimaklumkan mengenai kelulusan atau penolakan permohonan FPP beliau melalui email dan Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS").

AM

13. Dengan menyertai Kempen ini, Pemegang Kad yang Layak bersetuju:
- (a) Membaca, memahami dan bersetuju untuk mematuhi T&S Kempen;
 - (b) Bahawa keputusan HLB atas semua hal berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan terikat ke atas semua Pemegang Kad yang Layak dan sebarang surat-menyurat dan / atau rayuan untuk mempertikaikan keputusan HLB tidak akan dilayan;
 - (c) Mengakses Laman Web HLB di www.hlb.com.my ("Laman Web HLB") secara kerap untuk menyemak T&S dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan yang dibuat kepada T&S.
14. HLB berhak untuk:
- (a) Meluluskan atau menolak permohonan FPP yang dimohon oleh Pemegang Kad yang Layak tanpa memberikan sebarang sebab;
 - (b) Membatalkan kelayakan Pemegang Kad yang Layak atas budi bicara tunggal dan mutlaknya untuk menyertai Kempen ini;
 - (c) Menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda T&S yang terkandung di dalam ini, sama ada keseluruhan atau sebahagian menurut budi bicara HLB dengan cara menyiarkannya dalam Laman Web HLB, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal.
15. T&S ini, Terma dan Syarat Umum di dalam Perjanjian Pemegang Kad HLB, Terma dan apa-apa terma dan syarat HLB mungkin berbeza dari semasa ke semasa hendaklah dibaca bersama sebagai perjanjian keseluruhan dan jika terdapat apa-apa percanggahan antara T&S ini dan Terma dan Syarat Umum di dalam Perjanjian Ahli Kad HLB itu, khususnya T&S di dalam ini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
16. Jika terdapat percanggahan antara T&S dengan bahan pengiklanan, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau bersabit dengan Kempen ini, maka T&S muktamad dalam Laman Web HLB akan diutamakan.
17. T&S ini tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad yang Layak bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.